

Disempurnakan oleh:



Anwar bersama Zaliha dan Izwan (kiri) pada majlis perasmian Alamanda Berwajah Baharu di Putrajaya, Semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

# PM nafi berdentam, sengaja cari salah

Anwar tegaskan beri kebebasan penuh kepada pihak berkuasa laksana tugas basmi rasuah

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau memberi kebebasan sepenuhnya kepada pihak berkuasa melaksanakan tugas mereka dengan berkesan, termasuk dalam membasmi rasuah.

Perdana Menteri menafikan beliau berdentam dan sengaja mencari kesalahan supaya sesuatu kes itu disiasat, sebaliknya mahu memastikan amalan yang melanggar tatakelola dihentikan.

"Ada orang kata saya dendam, cari salah. Tak, tak benar. Saya hanya beri kebebasan betul-betul. Saya beritahu Jemaah Menteri, kita tidak campur.

"Kita beri kebebasan kepada polis menjalankan kerja mereka dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan tugasnya, kutip cukai, SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) geledah supaya menghentikan amalan rasuah.

"Negara boleh kaya, tapi kalau pimpinannya itu sibuk cari kekayaan untuk diri, bila nak jaga rakyat? Bila ada keterlanjuran, guna kuasa sampai kaya-raya, ratus-ratus juta simpan.

"Boleh kita (secara peribadi) nak ambil tindakan? Tak boleh, kita jangan dendam, jadi negara

rosak," katanya ketika menyampaikan ucapan perasmian Alamanda Berwajah Baharu di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings (PJH), Datuk Izwan Hasli Mohd Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, dalam sesi Pemukiman Jemaah Menteri Kerajaan MADANI 2025 di Bangi, kelmarin, beliau meminta supaya setiap aduan dan kritikan berhubung prestasi kerajaan diambil tindakan.

## Dengar teguran, kritikan

Katanya, ada yang mendakwa setengah menteri tidak memberi penjelasan yang baik walaupun program bermanfaat, selain isu seperti tebatan banjir, jalan berlubang dan bekalan elektrik di kawasan pedalaman.

"Kita dengar dan kita mesti ambil tindakan. Saya tidak ada masalah jika orang tegur dan kritik kita kerana kita bukan sempurna, dan kita mesti dengar untuk perbaiki.

"Bukan sahaja saya sebagai Perdana Menteri, tapi ketua jabatan, ketua syarikat, semua harus dengar supaya dapat kita perbaiki," katanya.

Anwar juga menegur tindakan segelintir pihak di negara ini yang masih 'riuh-rendah' dalam isu remeh ketika negara lain berlumba-lumba mengejar kemajuan teknologi.

Katanya, negara seperti China, Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan Eropah kini berusaha mengangkat keupayaan teknologi, kecerdasan buatan (AI), digitalisasi dan tenaga boleh baharu serta boleh bergantung kepada tenaga lama.

"Kita riuh-rendah dalam hal remeh-temeh dan bergaduh. Ka-

lau kita dengar kadang-kadang sebahagian, bukan semua, sebahagian ceramah, tazkirah itu, kutuk dan hukum orang.

"Tidak semua kita boleh ber-setuju dalam semua perkara. (Perkara) ke arah kebaikan dan amalan asal, kita setuju. Bila beberapa pendekatan, ada perbezaannya dan harus ada toleransi bersama, hikmah (diperlukan) dalam dunia yang pelbagai," katanya.

Perdana Menteri berkata, ekonomi Malaysia berkembang baik serta menerima pelaburan tinggi dan beliau percaya dengan keupayaan negara, antaranya sebagai pusat data dan hab semikonduktor.

Ia dibuktikan dengan pelbagai lawatan oleh pemimpin besar dunia ke negara ini dan terbaharu Presiden China, Xi Jinping serta Presiden Afrika Selatan, Cyril Ramaphosa akan melawat Malaysia tidak lama lagi.

"Mana ada negara di dunia, di mana masyarakatnya pelbagai kaum dan agama, tapi boleh hidup dengan rukun damai, dan Malaysia juga antara yang terbaik.

"Mana negara yang sudah kecundang sedikit, lemah dengan pelbagai skandal, kemudian dengan pandemik COVID-19 dan sekarang terangkat semula," katanya.

Mengenai wajah baharu pusat beli-belah Alamanda, Perdana Menteri berkata, ia adalah mercu tanda yang mampu menjadi tarikan dan menambah keceriaan di Putrajaya.

Projek naik taraf Alamanda membabitkan lantai berkeluasan 18,581 meter persegi dimulakan PJH pada pertengahan 2023 dan ia adalah projek pengubahsuaian terbesar yang pernah dilancarkan sejak Alamanda dibuka pada 2004.